



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

KENYATAAN POLISI ANTIRASUAH **KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) beriltizam untuk membangunkan sektor pengangkutan mampan yang memacu pertumbuhan ekonomi dan menyokong kesejahteraan rakyat seiring dengan status negara maju. Ke arah itu, MOT komited untuk mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan melalui pengukuhan mekanisme tadbir urus terbaik dan pelaksanaan sistem pengurusan antirasuah bagi menyediakan persekitaran kerja berintegriti dan bebas rasuah.

Polisi antirasuah ini menetapkan parameter untuk mencegah, mengesan dan bertindak balas ke atas sebarang bentuk perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa berkaitan dengan MOT. Polisi ini adalah satu piawaian memerangi jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa bagi semua warga MOT, jabatan, agensi dan pemegang taruh. MOT mengamalkan toleransi sifar terhadap apa-apa bentuk perlakuan rasuah dan berjanji untuk bertindak secara adil, profesional dan berakauntabiliti bagi memastikan budaya kerja berintegriti dan berprestasi tinggi.

Bagi mencapai visi, misi MOT dan aspirasi negara untuk dikenali kerana integriti dan bukannya kerana rasuah, maka MOT komited untuk:

- i. memastikan pelaksanaan Arahan No. 1 YAB Perdana Menteri Tahun 2018: Permantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti dan Antirasuah Kebangsaan.
- ii. memastikan pelaksanaan Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No. 1 Tahun 2019 - Pemantapan Governans, Integriti Dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.
- iii. memastikan pelaksanaan pematuhan Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan undang-undang/peraturan berkaitan serta memberi kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam membendung segala bentuk perlakuan rasuah di MOT.
- iv. memastikan pelaksanaan Sistem Pengurusan Antirasuah melalui standard persijilan ISO 37001: 2016 berdasarkan piawaian antarabangsa.
- v. menyediakan saluran dan menggalakkan pelaporan mengenai aktiviti berunsur rasuah menerusi Polisi Pemberian Maklumat (Whistle Blower Policy).

Selaras dengan komitmen dan aspirasi nasional "Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya kerana rasuah", MOT bertekad melaksanakan prinsip tadbir urus terbaik, berintegriti dan antirasuah sebagai usaha peningkatan reputasi MOT menjadi agensi penanda aras perkhidmatan awam yang bebas daripada perlakuan rasuah.

DATUK ISHAM ISHAK
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

14 OKTOBER 2020